

Sinar Harian 15/8/2019 m/s 30


Hadiah lebih RM150,000 menanti kaki pancing

KUANTAN - Hadiah lumayan bernilai lebih RM150,000 bakal menjadi rebutan kaki pancing pada siri jelajah pertandingan memancing sempena Malaysia Surfcasting Tour: A Journey To Visit Malaysia 2020 yang akan berlangsung di Pantai Sepat di sini Ahad ini.

Pertandingan anjuran bersama Tourism Malaysia dan Wakjali Event Management itu salah satu usaha mempromosikan lokasi pelancongan menarik seluruh negara sempena Tahun Melawat Malaysia 2020.

Pada pertandingan itu, juara bakal membawa pulang hadiah wang tunai RM100,000, tempat kedua RM13,000 dan pemenang tempat ketiga RM5,000.

Bagi pemenang tempat keempat akan membawa pulang wang tunai RM1,500, tempat kelima RM800, tempat keenam hingga ke-10 RM400 manakala RM300 bagi peme-



Pantai Sepat terkenal dengan spesies pari bersaiz mega yang menjadi buruan kaki pancing.



Antara ikan pari bersaiz mega yang berjaya dipancing di Pantai Sepat.

nantang tempat ke-11 hingga ke-100.

Acara yang mendapat sokongan Tourism Pahang dan Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) ini turut menyediakan hadiah cabutan bertuah termasuk sebuah televisyen LED 60 inci dan empat TV LED 32 inci, 40 hamper dan 10 barangan Igloo.

Bagi peserta yang

membuat pendaftaran awal, 1,000 helai t-shirt akan disediakan untuk mereka.

Pengurus Wakjali Event Management, Md Zali Kasran berkata, pertandingan yang masuk siri keenam selepas Melaka, Kelantan, Selangor, Terengganu dan Perak itu akan bermula seawal jam 8.30 pagi dan dijangka selesai

jam 12.30 tengah hari.

Menurutnya, Pantai Sepat dipilih sebagai lokasi pertandingan memancing kali ini berikutan pantai yang panjang dan amat sesuai untuk aktiviti itu selain mempunyai kemudahan logistik khususnya inap desa dan hotel.

"Pantai ini terkenal dengan pelbagai spesies ikan berkualiti tinggi seperti

gerung belang, ebek, haruan tasik, ketuka, gelama, ikan yu dan todak.

"Kita jangkakan peserta pasti teruja untuk memburu spesies pari berikutan kawasan pantai sepanjang empat kilometer itu memang terkenal dengan ikan pari bersaiz mega," katanya.

Md Zali berkata, semua spesies ikan dipertandingkan kecuali sesirat dan kerapu.

"Andai keadaan air pada hari pertandingan jernih, peserta dijangka memburu spesies todak yang dipercayai banyak menghuni dasar pantai berkenaan.

"Pada pertandingan kali ini, kawasan pantai sepanjang 3.5 kilometer dikhaskan untuk memancing bagi memberi keselesaan kepada peserta," katanya.

Beliau berkata, bagi pemancing berminat untuk menyertainya, yuran penyertaan dikenakan

RM100 untuk satu joran, bagaimanapun pesertanya dibenarkan menggunakan dua joran.

"Kaunter pendaftaran akan dibuka 24 jam di lokasi pertandingan bermula jam 12 tengah hari Sabtu ini.

"Pihak penganjur menitikberatkan aspek kebersihan justeru kutipan sampah akan dilakukan sejurus pertandingan berakhir. Peserta juga diminta agar menjaga kebersihan kawasan pantai dengan membuang sampah di tong-tong yang disediakan", katanya.

Menurutnya, selain memancing, beberapa acara sampingan turut diadakan seperti pertandingan mewarna (dua kategori), pertandingan beyblade dan memancing keli kanvas.

"Sebarang pertanyaan berhubung pertandingan ini boleh berhubung terus di talian 019-6203040, 012-2141401 dan 013-3838655," katanya.